

Nakal tidak ber...

Pelajar nakal perlu dihadapi secara praktikal, sementara pelajar

H. Medm m/s 88 5.2.07

BERITA kematian pelajar Sekolah Menengah Teknik Bintulu, Sarawak, baru-baru ini yang disyaki menjadi mangsa buli bagai mengimbas kembali pelbagai kejadian serupa yang pernah menggemparkan negara tidak lama dulu.

Ia bukan sekadar menyentak sensitiviti masyarakat tetapi turut mengundang polemik tersendiri terhadap institusi pendidikan negara.


Tahap disiplin pelajar mungkin bakal dipersoalkan, ibu bapa pula dihantui kebimbangan melepaskan anak ke sekolah manakala peranan guru juga dipertikai.

Dalam menangani kemelut ini, golongan guru adalah kelompok terbaik dijadikan sandaran mengubah persepsi negatif ini. Mereka juga dikenal pasti sebagai golongan 'kepercayaan' yang boleh melihat dan memantau perubahan emosi mahupun fizikal pelajar.

Guru disiplin di sebuah sekolah terkenal di ibu kota, Othman Abd Samad, berkata gejala buli yang melanda pelajar hari ini boleh diatasi sekiranya semua pihak saling membantu dan memberi sokongan terutama kepada pelajar bermasalah.

Menurutnya, sikap masyarakat yang suka menuding jari dan menyalahkan pelajar secara melulu boleh mengganggu emosi seterusnya membuatkan pelajar terababit semakin terpinggir.

"Saya tidak nafikan guru disiplin memegang amanah berat dalam menangani masalah pelajar, namun menggunakan pendekatan melabel dan menuding tidak wajar dilakukan pada mereka yang bermasalah.



HENTIKAN...
Kampanye Hentikan Buli dilancarkan bagi menghentikan kegiatan buli di sekolah.

TERLANTAR... mangsa buli yang tidak berdosa terpaksa menanggung kesengsaraan seumur hidup.



makna samseng

permasalahan pendekatannya secara diplomasi

DERITA...
antara kesan
yang ditanggung
mangsa buli.



MAAFKAN SAYA...mangsa buli mengalami trauma yang berpanjangan.

lain, gunakanlah kerana pelajar hari ini bukanlah seperti dulu yang takut dan terlalu hormatkan guru.

"Ada segelintir mungkin akan berendam atau menjadi lebih teruk. Bagi mengatasinya, gunakan pendekatan sesuai melembutkan hati mereka.

"Saya percaya, biarpun nakal dan suka menimbulkan masalah, mereka masih manusia biasa yang ada hati dan perasaan," katanya.

Sikap tuding menuding jari juga sering kali ketara jika timbul masalah antara pelajar, pihak sekolah dan ibu bapa khususnya.

Dalam mengatasi konflik ini, guru kaunseling sebuah sekolah di Kuala Lumpur, Mohd Kamil Abd Shukor, menyarankan supaya ibu bapa sentiasa memberi perhatian dan merapatkan jurang sama ada umur atau komunikasi antara satu sama lain.

Menurutnya, sikap ibu bapa

yang tidak mahu memahami kehendak anak menyebabkan mereka mengalih perhatian kepada rakan di sekolah.

"Pergaulan ada kalanya boleh menerbitkan rasa bangga di kalangan pelajar ini yang merasakan lebih diberi perhatian menyebabkan mereka berani melakukan pelanggaran disiplin.

"Berdasarkan pemerhatian, mereka yang berpotensi menjadi pembuli bukan melakukannya secara individu, tetapi mendapat sokongan kumpulan kerana lebih kuat selain diberi kuasa mutlak sebagai ketua. "Inilah yang harus diperhatikan ibu bapa, cuba lihat siapa rakan anak, bagaimana pergaulannya juga reaksinya secara fizikal. Saya percaya, jika pencegahan boleh dilakukan sejak awal, kes buli dapat dielakkan," katanya.

Dia juga mentakrifkan situasi buli antara dulu dan sekarang mempunyai perbezaan ketara.

Berdasarkan pengalamannya tinggal selama tujuh tahun di asrama, dia beranggapan budaya buli kini lebih agresif.

"Dulu biarpun kena buli, pembabit fizikal memang tiada, kawalan emosi pembuli juga lebih terkawal, sekarang lebih menakutkan hingga boleh menyebabkan nyawa melayang.

"Berdasarkan kajian, antara faktor penyumbang ialah paparan media terutama filem atau video permainan berunsur keganasan. Apabila bergaduh, mereka akan melakukan aksi sama seperti yang dilihat.

"Saya harap ibu bapa turut mengambil berat mengenai filem yang menjadi tontonan kerana boleh mempengaruhi anak secara langsung di samping rakan sebaya," katanya.

Mengenai pendekatan yang boleh dilakukan kaunselor untuk membantu pelajar bermasalah, ia lebih menekankan aspek emosi dan psikologi.

"Pelajar bermasalah ini boleh dikenal pasti dengan perlakuan mereka yang tidak kena pada pandangan warga sekolah, suka menunjuk-nunjuk kekuatan sedangkan hakikatnya jiwa mereka kosong dan mahukan pemerhatian.

"Sebagai kaunselor, perlu melihat pelajar ini dari segi dalaman seperti perasaan empati bukan menghukum sesuka hati. Mungkin dalam mereka sudah hilang sesuatu dalam jiwa menyebabkan jadi pembuli.

"Kaunselor lebih menjurus mencari penyelesaian bukan hukuman justeru, andai kata ada pelajar berpotensi untuk bergelar samseng dikenali, langkah penyelesaian emosi adalah pendekatan terbaik untuk mendekati mereka," katanya.

"Pelajar bermasalah perlukan perhatian untuk menamatkan rasa ego dalam diri, tetapi jika terus ditekan, tentu hasil diharapkan menjadi sebaliknya.

"Ia sekali gus merencatkan usaha yang ingin dilakukan pihak tertentu untuk menyedarkan mereka dan mungkin juga bakal menambah lebih masalah," katanya.

Isu buli pelajar mula mendapat perhatian masyarakat apabila pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Agama Dato Kelana Petra Maamor, Ampangan, Seremban, Mohd Farid Ibrahim, ditemui mati dalam tandas asrama sekolah itu akibat dibelasah sekumpulan pelajar senior tiga tahun lalu.

Pelajar tingkatan satu Sekolah Menengah Agama Padang Tengku, Kuala Lipis, Muhammad Afiq Qusyairi, juga hampir mengalami nasib sama hanya kerana keengganannya meminjamkan cerek elektrik yang baru dibeli. Akibatnya, dia menghadapi risiko lumpuh sepanjang hayat.

Kematian Metheus Mering, 16, juga semakin mencetuskan trauma kepada pelajar yang selama ini mungkin berterusan menjadi mangsa buli.

Menurut Othman, dalam menangani disiplin pelajar bermasalah, pelbagai pendekatan boleh diguna pakai namun guru juga harus peka melihat perkembangan pelajar sama ada mereka berpotensi menjadi mangsa atau kaki buli.


"Mengikut pengalaman, pelajar ini boleh dikategorikan kepada dua iaitu nakal dan bermasalah. Bagi kategori pertama, pendekatan perlu lebih praktikal dan berbentuk nasihat kerana definisi nakal itu tidak bermakna samseng.

"Kategori kedua pula, pendekatannya secara diplomasi dan terbuka. Mereka bermasalah dan tidak mudah berkongsi rahsia dengan sesiapa jika tidak percaya. Pendekatannya agak kompleks dan berbeza, lebih kepada emosi.

"Kategori kedua ini perlu ditangani segera kerana jika dibiarkan ia boleh melarat dan membawa kepada permasalahan lebih besar sama ada menjadi mangsa buli atau sebaliknya," katanya.

Mengenai pendekatan hukuman dengan rotan, dia kurang bersetuju melainkan ia dijadikan pilihan terakhir untuk membentuk disiplin pelajar.

"Walaupun hukuman rotan boleh dilaksanakan, ia bukanlah pilihan terbaik menyelesaikan masalah. Jika ada cara



JANGAN MAIN-MAIN...
pembuli biasanya berani
membuli mangsa jika
berada dalam kelompok
ramai.



BERSALAH...
kejadian buli di Kuala
Lipis, Pahang memberi
reaksi pelbagai pihak
yang mahukan
penyelesaian diambil
untuk menghentikan
gejala ini.